

Gaji amah Indonesia masih dirunding

B.H 6/9/09 M/S 20

Malaysia pertimbang cari pembantu rumah dari beberapa negara lain

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bharian.com.my

SEREMBAN: Kementerian Sumber Manusia tidak akan memberi pandangan mengenai isu tuntutan gaji pembantu rumah Indonesia sebanyak RM800 sebulan sehingga mengetahui hasil mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia di Jakarta.

Menterinya, Datuk S Subramaniam, berkata pegawai kementeriannya dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) kini mengadakan mesyuarat dengan pegawai dari negara jiran itu, susulan mesyuarat terdahulu di Kuala Lumpur, beberapa minggu lalu.

"Saya tidak mahu buat pengumuman, penjelasan atau pandangan... biarkan mereka bermesyuarat, selepas itu

saya akan beri pandangan," katanya selepas merasmikan Skim Latihan dan Penempatan Pekerja (SLP) di Kolej Tafe, Sikamat, dekat sini semalam.

Beliau berkata, jika Indonesia tetap mahu gaji ditetapkan RM800, ia mungkin menyebabkan beberapa negara lain dipertimbangkan sebagai pilihan seperti Laos, Kemboja, India dan Sri Lanka

selain Irian Jaya dan China.

Laporan media Indonesia menyatakan kerajaan republik itu akan mengemukakan usul gaji pembantu rumah negara mereka dinaikkan daripada RM400 kepada RM800 pada Mesyuarat Keempat Jawatankuasa Kerja Malaysia-Indonesia bagi Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia di Jakarta.

Subramaniam berkata, tuntutan gaji minimum juga dikemukakan negara lain seperti India yang menuntut pekerja tidak mahir dari negara itu dibayar RM700 sebulan, tetapi tuntutan gaji tinggi selalunya menyebabkan jumlah pekerja asing kian berkurangan.

"Pembantu rumah Filipina di negara ini yang pada suatu masa berjumlah kira-

FAKTA NOMBOR

RM800

sebulan

Gaji dituntut Indonesia untuk pembantu rumah

kira 50,000 orang kini semakin berkurangan berbanding kira-kira 280,000 pembantu rumah Indonesia," katanya.